PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|---|---|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 21 October 2015 |

BH - 21/10/2015

# Najib ucap tahniah kepada PM baharu Kanada

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Kanada yang baharu, Justin Trudeau di atas kejayaan Parti Liberal yang diterajuinya pada pilihan raya umum di negara itu, semalam.

Perdana Menteri menerusi akaun Facebook rasminya berkata, beliau berharap dapat mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara kedua negara.

**Parti Liberal menang besar**

Agensi berita *AFP* melaporkan Parti Liberal menang besar pada pilihan raya Kanada Isnin lalu menewaskan Parti Konservatif pimpinan bekas Perdana Menteri, Stephen Harper.

Trudeau, 43, yang menggunakan kempen 'Visi Baharu' Kanada menang 184 kerusi daripada 338 kerusi yang dipertandingkan pada pilihan raya berkenaan.